

Uiskriminasi perkauman secara positif

Banyak negara setuju dengan Malaysia - PM

KUALA LUMPUR 29 Okt. — Kebanyakan negara anggota Komanwel bersetuju dengan pandangan Malaysia bahawa diskriminasi perkauman secara positif boleh dilaksanakan, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Malaysia membawa usul itu dalam Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) untuk memastikan nasib orang-orang kulit hitam yang tertindas dibela.

"Walaupun pendapat saya mengenai perkara ini tidak setuju dimasukkan dalam pernyataan bersama CHOGM tetapi banyak negara bersetuju dengan pendapat saya itu," katanya kepada para pemberita sekembalinya daripada menghadiri CHOGM di Harare, Zimbabwe, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang lewat petang ini.

Menurut beliau, Malaysia memang mengakui mengamalkan diskriminasi perkauman secara positif dan tidak malu dengan anjan itu kerana hanya dengan cara itu sahajalah ia dapat membantu membangunkan kaum yang mundur.

Katanya, tanpa diskriminasi perkauman yang positif, nasib rakyat kulit hitam seperti di Afrika Selatan akan terus mundur.

"Jika mereka hendakkan kemajuan, mereka mesti bersedia menerima diskriminasi perkauman secara positif ini," ujar beliau.

Perdana Menteri ketika ditanya peranan Jawatankuasa 11 yang dipengeruskannya, berkata, jawatankuasa itu akan menjalankan usaha untuk mengenalpasti cara-cara bagi membantu menyelesaikan masalah di Afrika Selatan.

Katanya, tugas utama Kumpulan 11 itu ialah menghantar Setiausaha Komanwel ke Afrika Selatan untuk menyaksikan sendiri keadaan di negara itu sebelum merumuskan sebarang tindakan.

"Komanwel berpendapat pembunuhan bernilai - ramai orang kulit hitam di Afrika Selatan kebelakangan ini didalangi oleh rejim Pretoria dan perkara ini harus dihentikan sama sekali," ujarnya.

Menyentuh tentang CHOGM, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Kumpulan 11 yang dipengeruskannya mencapai kejayaan untuk menyampaikan pendapat Malaysia tentang corak demokrasi baru yang diamalkan oleh Barat.

Katanya, beliau juga menegaskan soal demokrasi di sesebuah negara tidak harus ditentukan oleh pihak Barat mengikut pendapat mereka sahaja sebaliknya Komanwel bersetuju bahawa sebarang keputusan mengenai perkara itu mestilah diputuskan oleh Bangsa - Bangsa Bersatu.

"Barat tidak berhak untuk campur tangan dalam sebuah negara merdeka dan tidak mempunyai kuasa untuk menyatakan hak kebebasan manusia di negara itu ataupun demokrasmva.

Ditanya tentang pertemuannya dengan Perdana Menteri Australia, Bob Hawke, Perdana Menteri menyatakan, Bob Hawke bersetuju untuk mengecualikan dirinya daripada tindakan memburuk - burukkan negara ini melalui media massa negara itu.

Di samping itu beliau berkata, Encik Hawke juga meminta kerajaan Malaysia berbuat demikian dan beliau menyatakan kesediaan kerajaan Malaysia melaksanakannya.

"Saya kata saya setuju kerana saya berpendapat media massa negara kita kurang melakukan perkara memburuk burukkan Australia seperti media mereka memburukkan negara ini," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menyatakan, sepanjang berada di Harare beliau sempat mengadakan beberapa perundingan di ahala dengan beberapa pemimpin negara lain.

Dalam pada itu katanya, Komanwel juga bersetuju membenarkan negara - negara anggota mengadakan hubungan sesama rakyat dengan penduduk Afrika Selatan.

Katanya, beliau sempat menemui pemimpin kulit hitam, Nelson Mandela dan menyatakan Malaysia akan berusaha untuk mengadakan perhubungan udara dengan Afrika Selatan bagi tujuan tersebut.